

Nama dasar	Dasar Kumpulan Mengenai Anti-rasuah
Penerapan	Pengarah, pekerja, rakan niaga, kontraktor dan ejen (termasuk ahli keluarga dan wakil mereka) kumpulan syarikat Pertama Digital Berhad ("Kumpulan")
Tarikh kelulusan	Diluluskan oleh lembaga pengarah Pertama Digital Berhad pada 21 Oktober 2020
Tarikh kuat kuasa	Dari tarikh kelulusan
Tarikh pindaan terkini	12 Oktober 2020

A) Apakah tujuan dasar ini?

- Menjelaskan erti 'rasuah' yang dipakai dalam dasar ini.
- Menyatakan pendirian Kumpulan menentang rasuah.
- Menerangkan cara pengarah, pekerja, rakan niaga, kontraktor dan ejen Kumpulan boleh mengelak daripada amalan rasuah atau keadaan yang boleh menimbulkan tanggapan amalan rasuah.

B) Apakah itu rasuah?

“... penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan untuk manfaat peribadi.”

~ Transparency International

(<https://www.transparency.org/en/what-is-corruption#>)

“... memberikan atau menawarkan ganjaran kepada seseorang dengan tujuan untuk mempengaruhi tindakannya [secara tidak sah].”

~ Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(<https://www.sprm.gov.my/index.php/en/program-sprm-dengan-masyarakat-peringkat-sekolah/203-faq-ace/1247-frequently-asked-question-on-corruption?templateStyle=21#:~:text=There%20is%20no%20specific%20definition,order%20to%20influence%20his%20conduct>)

C) Apakah larangan undang-undang?

Meminta/menerima suapan

Membuat **tuntutan palsu** dengan niat untuk menipu

Penyalahgunaan jawatan/kedudukan untuk **suapan**

Menawarkan/ memberikan **suapan**

4 jenis utama rasuah yang dilarang oleh Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

Bawah Akta itu, "suapan" termasuk apa jua jenis manfaat, tidak semestinya berbentuk wang; cth: diskau, derma, peluang pekerjaan, bayaran pemudah cara, yuran, hadiah, darjah kebesaran, jawatan, memotong baris, sogokan, pinjaman, layanan istimewa, harta, perlindungan, rebat, perlepasan daripada hutang/liabiliti/kewajipan/penalti, perkhidmatan atau undian.

D) Apakah pendirian Kumpulan?

Kumpulan ini tidak bertolak ansur terhadap sebarang amalan rasuah – atau keadaan yang boleh menimbulkan tanggapan amalan rasuah – dalam kalangan pengarah, pekerja, rakan niaga, kontraktor dan ejennya. Larangan sedemikian juga berkuat kuasa atas ahli keluarga atau wakil golongan tersebut.

Kumpulan ini menyarankan agar semua pihak bertindak dengan berintegriti dan mematuhi undang-undang berkaitan anti-rasuah serta piawai etika yang lebih tinggi.

Sejajar dengan pendirian am itu, pendirian Kumpulan ini tentang beberapa keadaan tertentu adalah seperti berikut:

1. Hadiah atau Keraian (*hospitality*)

Apakah peraturan am tentang hal ini?

Kumpulan ini menguatkuasakan Dasar Menolak Hadiah tertakluk pengecualian yang dijelaskan di bawah ini.

Pengarah dan pekerja Kumpulan ini tidak boleh menawarkan atau memberikan sebarang hadiah atau keraian (termasuk jamuan dan hiburan) kepada, ataupun meminta atau menerima sebarang hadiah atau keraian daripada, pihak luar seperti bakal rakan niaga atau rakan niaga sedia ada, kontraktor, ejen, pelanggan dan pegawai kerajaan.

Pengarah dan pekerja Kumpulan ini disarankan agar menolak secara berhemah hadiah atau keraian yang ditawarkan oleh pihak luar.

Apakah pengecualian yang ada?

Walau bagaimanapun, Kumpulan ini mengiktiraf bahawa wujud keadaan apabila pemberian atau penerimaan (namun bukan permintaan) hadiah atau keraian adalah cara yang sah untuk menjalankan hubungan dan memelihara muhibah dalam hubungan perniagaan, seperti:

- a) Hamper makanan ketika musim perayaan.
- b) Hadiah atau keraian sebagai sebahagian rasmi daripada sesuatu majlis atau mesyuarat (cth: cenderahati ketika majlis rumah terbuka korporat; alat tulis dan barang yang ditaja ketika persidangan; cenderamata ketika majlis pelancaran; jamuan atau permainan golf yang ditaja oleh tuan rumah; dll.).
- c) Barang lekas musnah (*perishables*), seperti jambangan bunga atau buah-buahan.
- d) Barang yang diletak jenama Kumpulan yang diberi sebagai cenderamata atau tanda penghargaan kepada pemegang saham, rakan niaga, kontraktor, ejen dan pelanggan Kumpulan.

Bawah pengecualian itu, pengarah atau pekerja Kumpulan ini boleh, dalam tugas rasmi, menawarkan atau memberikan sebarang hadiah atau keraian kepada pihak luar tertakluk keizinan bertulis terdahulu oleh lembaga pengarah atau Ketua Pegawai Eksekutif mana-mana syarikat dalam Kumpulan ini. Sekiranya Ketua Pegawai Eksekutif sendiri ingin menawarkan atau memberikan hadiah atau keraian itu dalam tugas rasminya, beliau mestilah mendapatkan keizinan bertulis terdahulu daripada Pengarah Eksekutif yang berkenaan.

Walau apapun, hadiah dan keraian yang diberikan atau diterima mestilah bernilai munasabah tanpa wujud tanggapan bahawa ada niat rasuah. Sekiranya mana-mana pekerja Kumpulan ini telah ditawarkan atau diberikan hadiah atau keraian di luar pengecualian tersebut, beliau hendaklah mengisyiharkannya melalui e-mel kepada Ketua Pegawai Eksekutif syarikat yang berkenaan dalam Kumpulan ini (atau, jika Ketua Pegawai Eksekutif itulah penerima, maka beliau hendaklah mengisyiharkannya melalui e-mel kepada lembaga pengarah syarikat yang berkenaan dalam Kumpulan ini).

2. Bayaran Pemudah Cara

Bayaran pemudah cara ialah bayaran yang bertujuan melicinkan pelaksanaan tugas/fungsi pentadbiran rutin (bukan untuk memperoleh perniagaan baharu atau manfaat yang tidak sepatutnya) meskipun bayaran itu tidak dikehendaki oleh undang-undang; cth: hadiah untuk memujuk seseorang pegawai kerajaan untuk mempercepat pengeluaran lesen sedangkan syarikat itu telahpun berhak mendapat lesen itu.

Kumpulan ini tidak membenarkan penawaran, pemberian, permintaan atau penerimaan bayaran pemudah cara.

3. Sumbangan Amal

Pengarah atau pekerja Kumpulan ini tidak boleh, dalam tugas rasmi, menawarkan atau memberikan sebarang sumbangan amal tanpa keizinan bertulis terdahulu daripada lembaga pengarah atau Ketua Pegawai Eksekutif mana-mana syarikat dalam Kumpulan ini. Sekiranya Ketua Pegawai Eksekutif ingin menawarkan atau memberikan sumbangan amal dalam tugas rasmi beliau, beliau mestilah mendapatkan keizinan bertulis terdahulu daripada Pengarah Eksekutif berkenaan.

Sumbangan amal hanya diluluskan untuk penerima berikut:

- a) akaun kerajaan.
- b) akaun rayuan derma yang disiarkan melalui media massa kebangsaan.
- c) perbadanan amal yang berdaftar di sisi undang-undang.

Walau apapun, Kumpulan ini mengutamakan sumbangan amal dalam bentuk benda dan bukan tunai.

Pengarah dan pekerja Kumpulan ini hendaklah mengamalkan penelitian sewajarnya demi memastikan bahawa program amal atau tanggungjawab sosial korporat yang melibatkan syarikat dalam Kumpulan ini tidak digunakan untuk tujuan rasuah atau dianggap bersifat politik.

4. Sumbangan Politik

Kumpulan ini menaruh kesetiaan terhadap kerajaan sah yang memerintah. Pengarah dan pekerja Kumpulan ini tidak boleh, dalam tugas rasmi, menjanjikan atau membuat sebarang sumbangan politik kepada parti politik, pegawai parti politik atau calon jawatan politik.

5. Konflik Kepentingan

Dalam konteks ini, konflik kepentingan wujud apabila mana-mana pengarah atau pekerja Kumpulan ini:

- a) berupaya menyalahgunakan kedudukannya untuk kepentingan peribadi (termasuk kepentingan ahli keluarganya) sehingga merugikan kepentingan perniagaan Kumpulan ini; atau
- b) ada kepentingan peribadi yang akan mempengaruhi kesaksamaannya dalam membuat keputusan yang mengutamakan kepentingan perniagaan Kumpulan ini.

Pengarah atau Ketua Pegawai Eksekutif dalam Kumpulan ini hendaklah menzahirkan konflik kepentingan itu kepada lembaga pengarah syarikat yang berkenaan dalam Kumpulan ini, manakala pekerja lain hendaklah menzahirkan konflik kepentingan itu melalui e-mel kepada Ketua Pegawai Eksekutif syarikat yang berkenaan dalam Kumpulan ini. Mereka yang menghadapi konflik kepentingan hendaklah mengundurkan diri daripada terlibat dalam sebarang perbincangan, atau daripada membuat keputusan, mengenai perkara yang menimbulkan konflik kepentingan itu.

E) Bagaimakah dasar ini diumumkan?

Dasar ini diedarkan kepada semua pengarah dan pekerja dalam Kumpulan ini. Taklimat diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun kalender selain taklimat tambahan apabila dikehendaki. Apabila perlu, pekerja berkenaan mestilah menyampaikan dasar ini kepada pihak luar yang berurusan dengannya.

Sebarang pertanyaan tentang dasar ini boleh dirujuk kepada Pengarah, Perkhidmatan Korporat Kumpulan.

F) Bagaimakah dasar ini dikuatkuasakan?

Pengarah, pekerja, rakan niaga, kontraktor dan ejen Kumpulan ini **berkewajipan untuk melaporkan secara bertulis sebarang pengingkaran dasar ini** kepada Ketua Pegawai Eksekutif Pertama Digital Berhad. Sekiranya pengingkaran itu melibatkan Ketua Pegawai Eksekutif itu, laporan bertulis itu boleh disalurkan kepada lembaga pengarah.

Laporan sedemikian boleh bersifat tanpa nama tetapi hendaklah memuatkan sebanyak maklumat yang mungkin untuk membolehkan siasatan dan tindakan. Pemberi maklumat (*whistleblower*) yang sah akan dilindungi daripada pendedahan dan balas dendam menurut Dasar Kumpulan Mengenai Pemberian Maklumat (*whistleblowing*).

Pengingkaran dasar ini oleh mana-mana pengarah atau pekerja Kumpulan ini atau mana-mana pihak luar yang berurusan dengan mereka, akan dilaporkan kepada pihak berkuasa. Pengarah atau pekerja Kumpulan ini akan dikenakan tindakan tatatertib termasuk pembuangan kerja manakala pihak luar boleh disenaraihitamkan (dihalang daripada berurusan dengan Kumpulan ini) dan kontrak mereka dengan Kumpulan ini boleh ditamatkan.

G) Bagaimakah dasar ini disemak semula?

Dasar ini akan disemak semula dari semasa ke semasa (sekurang-kurangnya setiap 3 tahun) demi memastikan keberkesanannya dalam keadaan terkini. Dasar ini boleh dipinda dari semasa ke semasa dengan kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif Pertama Digital Berhad, dan terus diterapkan dalam Kumpulan ini.

TAMAT